

MENGULANGKAJI: MELAYU ISLAM BERAJA TAHUN 6

MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

menyinggung	camah	kehidupan	melawat	prihatin
-------------	-------	-----------	---------	----------

ADAB HIDUP BERJIRAN

Terdapat beberapa adab yang perlu diamalkan dalam _____ berjiran. Kita janganlah sekali-kali menyakiti mereka sama ada melalui percakapan mahupun tingkah laku yang boleh _____ perasaan. Kita bertanggungjawab untuk menjaga hubungan yang baik sesama tetangga. Ini boleh dicapai dalam pelbagai cara seperti ringan mulut, saling bertegur sapa, tidak _____ mata, berbaik sangka dan saling hormat-menghormati.

Murid-murid sekalian, di samping itu sifat pemedulian, _____ terhadap kesusahan yang dialami oleh jiran juga perlu diberi perhatian. Sekiranya jiran ditimpa musibah seperti kemalangan, sakit dan kematian, kita janganlah berlengah-lengah untuk _____ dan memberi bantuan yang termampu.

MEMILIH DAN MENYENARAIKAN NILAI-NILAI

Lihat ayat-ayat di bawah. Senaraikan ciri-ciri **kelakuan yang baik** dan **kelakuan tidak baik** berdasarkan maklumat yang disediakan.

- ✓ Membantu jiran yang dalam kesusahan
- ✓ Tidak ambil peduli rumah jiran dimasuki pencuri.
- ✓ Bersikap peramah dan bertegur sapa
- ✓ Sikap saling hormati-menghormati jiran
- ✓ Membiarkan binatang berkeliaran masuk kawasan jiran.
- ✓ Membuat tindakan melampau tanpa memikirkankeburukannya.
- ✓ Membunyikan radio yang kuat.
- ✓ Menghadirkan diri dalam majlis yang diadakan oleh jiran.
- ✓ Tidak bertolak ansur dengan kawan membersihkan kelas.
- ✓ Bersama-sama membersihkan kawasan rumah.

KELAKUAN YANG BAIK		KELAKUAN YANG TIDAK BAIK	
1		1	
2		2	
3		3	
4		4	
5		5	